

TARIKH : 19 OGOS 2025

AKHBAR : KOSMO

MUKA : 31
SURAT

OPR dijangka kekal sehingga 2026

KOSMO/SELASA 19 OGOS 2025

OPR dijangka kekal sehingga 2026

- Kadar OPR semasa 2.75 peratus
- KDNK tahun 2025 adalah 4.3 peratus

PETALING JAYA – Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada paras semasa iaitu 2.75 peratus sehingga tahun 2026 sekiranya tiada sebarang kejutan luaran berlaku.

Firma Penyelidikan Kenanga berkata, susulan pemotongan mengejut bulan lalu, yang disebut BNM sebagai pemotongan *pre-emptive* (awal), OPR kini lebih sejajar dengan latar belakang risiko luaran dan menyokong permintaan domestik di tengah-tengah inisiatif pembaharuan oleh kerajaan.

"Walaupun sesetengah menjangkakan pemotongan 25 mata asas lagi jika pertumbuhan melemah dalam beberapa bulan akan datang, kami berpandangan pertumbuhan ekonomi kekal melebihi empat peratus, disokong oleh Indeks Pembelian Pengurus (PMI) Pembuatan yang berkembang kepada 49.7 pada Julai (Jun: 49.3), manakala inflasi dijangka menghampiri paras dua peratus.

"Selain itu, kami percaya BNM akan terus bergantung kepada



BNM dijangka mengekalkan kadar OPR semasa sehingga tahun depan.
– GAMBAR HIASAN

data dan memelihara fleksibiliti dasar untuk keperluan masa hadapan.

"Oleh itu, BNM dijangka mengekalkan kedua-dua OPR dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) pada 2025 dan mungkin sehingga 2026, untuk menyokong kestabilan makro dan momentum pembaharuan struktur di bawah agenda Madani," katanya dalam nota kajian semalam.

Pada masa sama, Kenanga mengekalkan ramalan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2025 pada 4.3 peratus, di tengah-tengah peningkatan risiko luaran.

"Walaupun prestasi suku tahun kedua stabil, risiko luaran berterusan akibat kenaikan tarif Amerika Syarikat dan ketegangan geopolitik.

"Kadar tarif akhir Malaysia pada 19 peratus kekal berdaya saing di peringkat serantau, membantu meredakan kebimbangan pengeksport.

"Pengeluaran sektor perlombongan, terutamanya dalam gas asli dan minyak mentah, dijangka bertambah baik selepas penyelenggaraan, berpotensi menyokong pertumbuhan KDNK bagi separuh kedua 2025," katanya.